



MANGSA perdagangan buah pinggang haram akan diberikan identiti palsu bagi mengaburi pihak hospital yang melakukan pembedahan pemindahan organ.

PENDERMAAN organ di Bangladesh hanya boleh dilakukan antara ahli keluarga yang masih hidup.

Perdagangan organ haram perdaya orang kampung

Kosmo
28/10/2015
ms 26

SELEPAS bertahun-tahun hidup dalam kesengsaraan kerana dibelenggu beban hutang, seorang warga Bangladesh, Rawshan Ara bertekad untuk mengikut jejak langkah ahli keluarga yang lain dengan menjual buah pinggang di pasaran gelap demi mendapatkan wang.

Walaupun mendapat tentangan hebat daripada kakak dan abang ipar yang menghadapi komplikasi selepas menjalani pembedahan buah pinggang dua tahun lalu, ibu kepada seorang cahaya mata itu tetap berkeras untuk menjalani prosedur tersebut. "Saya sudah penat hidup dalam keadaan miskin. Suami saya pula sedang uzur, manakala perbelanjaan untuk memungup sekolah anak saya sangat tinggi.

"Saya bekerja sebagai pembantu rumah atau pekerja kilang pakaian di Dhaka tetapi upahnya sangat rendah," keluh Rawshan yang tinggal di daerah Kalai iaitu pusat tumpuan kegiatan perdagangan haram itu.

Bagaimanapun, sumber polis mengesyaki mangsa telah dipujuk oleh ahli keluarga sendiri supaya menjalani pembedahan itu.

Komisen

Pada masa sama, mereka mengambil komisen sebagai orang tengah dalam urusan niaga haram itu, sekali gus mendapat bayaran sebanyak AS\$3,000 (RM12,863) bagi setiap penduduk kampung yang berjaya diperdaya.

"Tahun ini sahaja seramai 40 penduduk dari Kalai telah menjual buah pinggang mereka. Kebanyakannya akan menjadi orang tengah atau ejen yang terlibat dalam rangkaian besar perdagangan organ ini.

"Ejen-ejen ini menasarkankan ahli keluarga terdekat terlebih dulu sebelum meracuni fikiran orang kampung pula," kata ketua polis tempatan, Sirajul Islam.

Beliau menambah, sejak 2005, seramai 200 penduduk kampung telah menjadi mangsa. Pada ketika ini, 12 orang dilaporkan

hilang dan disyaki telah merentasi sempadan berhampiran untuk ke India bagi menjalani pembedahan.

Lebih kurang lapan juta rakyat Bangladesh mengalami sakit buah pinggang yang kebanyakannya disebabkan diabetes, manakala 2,000 orang memerlukan pemindahan buah pinggang setiap tahun.

Disebabkan pendermaan organ hanya boleh dilakukan antara ahli keluarga yang masih hidup, keadaan itu telah mengakibatkan kekurangan bekalan buah pinggang kritikal untuk proses pemindahan tersebut.

Kekurangan itu mengakibatkan peningkatan permintaan organ di pasaran gelap yang didorong oleh pesakit atau pembeli terdesak serta masalah kewangan dihadapi penderma.

Selepas pihak polis melakukan serbuan besar-besaran terhadap sindiket tersebut pada tahun 2011 yang melibatkan doktor, jururawat dan klinik, kebanyakan operasi beralih ke India.

"Terdapat ramai orang berpengaruh yang terlibat dalam sindiket haram ini. Mereka boleh menyediakan semua dokumen termasuk pasport dan kad pengenalan palsu bagi membolehkan pembedahan pemindahan organ haram itu dapat dijalankan," kata pakar buah pinggang Bangladesh, Mustafizur Rahman.

Rawshan memberitahu, dia dibekalkan dengan pasport dan kad pengenalan palsu selepas ujian darah yang dijalankan sepadan dengan bakal penerima buah pinggangnya.

"Mereka menukar nama saya kepada Nishi Akter supaya saya layak menderma sebagai sepupunya. Mereka memberitahu, penyamaran itu adalah untuk mengaburi mata pihak klinik di India yang menjalankan pembedahan mengeluarkan buah pinggang saya," katanya.

Rawshan telah dibayar sebanyak AS\$4,500 (RM19,266) dan menggunakan

wang itu untuk memajak sebidang tanah bagi menanam ubi kentang dan padi.

Di samping itu, dia turut mengupah tutor untuk mengajar anak perempuannya yang berumur 13 tahun dan bercita-cita ingin menjadi doktor.

Kesilapan

Di sebalik kesenangan hidup tidak seberapa yang dinikmati hasil wang itu, dia kini terpaksa menanggung kesusahan apabila tidak lagi mampu untuk mengangkat objek berat, menjadi cepat penat dan sering menghadapi kesukaran bernafas.

"Perbuatan menjual buah pinggang itu adalah satu kesilapan besar yang saya lakukan. Saya memerlukan ubat yang mahal untuk kekal sihat," luahnya.

Bulan lalu, pihak polis telah menahan beberapa orang yang terlibat dalam perdagangan organ haram di Kalai dan Dhaka termasuk seorang penderma yang bertukar menjadi ketua sindiket tempatan.

Penahanan itu dibuat akibat penemuan mayat seorang kanak-kanak lelaki berumur enam tahun yang dibuang ke dalam sebuah kolam selepas dibunuh oleh sekumpulan penjenayah untuk mendapatkan buah pinggangnya.

Polis dan pihak berkuasa tempatan turut melancarkan kempen bagi memberi amaran mengenai bahaya yang bakal dihadapi dengan mengedarkan risalah dari rumah ke rumah dan sekolah di kawasan itu. - AFP

KALAI yang merupakan perkampungan miskin menjadi pusat tumpuan kegiatan perdagangan buah pinggang haram di Bangladesh.

